MUNYATUL MUSOLLI

(Cita-Cita Orang Yang Bersembahyang)

22 KEWAJIPAN MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMA'AT

Maka yang terlebih muakkad dituntut itu berjama'ah pada sembahyang Juma'at (جمعة), kerana Wajib 'Aini, kemudian berjama'ah pada sembahyang Subuh dan pada 'Isya', kemudian pada 'Asor, kemudian pada Zohor, kemudian pada Maghrib.

Maka apabila kita ketahui daripada kejahatan orang yaang meninggalkan sembahyang berjama'ah, daripada janjian yang amat sangat, istimewa pula orang yang meninggalkan sembahyang jama'ah disuruh perang dan bakar rumah dan barang sebagainya. Maka yang terlebih keji dan jahat orang yang meninggalkan dia (sembahyang Juma'at) kerana ia setengah daripada Fardhu 'Ain dengan muwafaqat Jumhur Ulama' haram dan dosa orang yang meninggalkan dia, kerana sabda Nabi ﷺ:

مَنْ تَرَكَ ثَلاَثَ جُمَعٍ مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ طَبَعَ اللهُ عَلَى قَلْبِهِ.

"Barangsiapa yang meninggalkan tiga Juma'at daripada ketiadaan diuzurkan dia, nescaya dimeteri Allah ﷻ atas hatinya."

Dan ditanya orang akan Sayyiduna 'Abdullah ibn 'Abbas رضي الله عنه daripada seorang laki-laki berdiri malam dan puasa siang hari, dan tetapi tiada hadir akan Juma'at dan Jama'ah, maka jawabnya, "Ia dalam neraka."

Dan lagi sabda Nabi ﷺ:

مَنْ تَرَكَ الْجُمْعَةَ ثَلاَثًا مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ فَقَدْ نَبَذَ الْإِسْلاَمَ وَرَاءَ ظَهْرِهِ.

"Barangsiapa meninggalkan sembahyang Juma'at tiga kali daripada ketiadaan uzur, maka sanya telah melontar Islam di belakangnya."